

Teladan baik lembutkan hati 'musuh' dakwah



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

moyang yang menjadi warisan agama orang Makkah ketika itu. Dalam satu perjalanannya mencari Nabi Muhammad, Umar bertemu Naim bin Abdullah.

Naim bertanya tujuan perjalanan Umar ke situ lalu beliau menceritakan niatnya. Naim mengejeknya dengan berkata lebih baik beliau menguruskan rumah tangganya sendiri terlebih dahulu.

Umar pun kembali ke rumah dan mendapati ipar lelakinya asyik membaca lembaran ayat al-Quran.

Lantas Umar memukul iparnya dengan ganas tanpa belas kasihan sehingga berdarah dengan harapan ipar dan adiknya meninggalkan Islam.

Sebaliknya, iman mereka bertambah teguh. Apabila melihat adiknya berdarah, Umar meminta maaf dan sebagai balasan beliau

meminta untuk membaca lembaran ayat al-Quran yang dibaca adik dan iparnya.

Pada lembaran itu tertulis Surah Taaha, Umar membaca surah itu sehingga ayat ke 14 yang bermaksud: "Sesungguhnya Akulah Allah; Tiada tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah akan Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku."

Selepas membacanya Umar yang berhati keras itu terus terpesona. Beliau berkata, "Bawalah aku berjumpa dengan Muhammad."

Selepas berjumpa Nabi Muhammad, Umar terus melafazkan syahadah dan menjadi Muslim yang sangat hebat.

Rasulullah pernah berdoa, "Ya Allah! Pilihlah antara Umar atau Abu Jahal yang engkau lebih suka, untuk menguatkan Islam." (Umar Al Khatab dan Abu

Jahal terkenal dengan kekuatan). Nampaknya doa Nabi diperkenankan dan Umar Al-Khattab menerima hidayah."

Umar menerima Islam pada tahun keenam kenabian Rasulullah dan ketika itu beliau berusia 27 tahun.

Tindakan Umar mengemparkan masyarakat Quraisy yang bukan Islam dan memberikan berita gembira kepada Muslim bahawa Islam akan menjadi kuat dan hebat.

Pengislaman Umar juga menyebabkan semangat orang bukan Islam semakin luntur. Kenapakah pada awalnya Umar menjadi penentang yang kuat ke atas Islam?

Nabi SAW tahu Umar menjadi penentang kuat Islam ketika itu, bagaimanapun tidak ada catatan dalam sejarah

menyatakan Nabi pernah memerintah atau menyusun strategi untuk membunuh atau membalas ancaman penentangannya.

Umar sebenarnya ketika itu tidak memahami ajaran Islam sehinggakan beliau bertindak mengikut emosi dan ego semata-mata untuk menghapuskan Nabi dan orang Islam termasuk ahli keluarganya sendiri.

Umar tidak tahu kandungan ajaran Islam dan tidak kenal konsep ketuhanan dalam Islam. Umar menentang kerana tidak mengetahuinya dan hanya melihat Islam dari jauh.

Selepas membaca lembaran al-Quran, Umar menerima impak pemahaman yang sangat tinggi dan hatinya terpaut pada Islam.

Tambahan pula, selepas dapat bertemu Nabi dan melihat Islam dari dekat

keraguan dan prasangka buruk Umar terhadap Islam terus lenyap dan tertanam iman di hatinya.

Malah, Nabi menaruh harapan amat tinggi supaya penentangannya dapat dilembutkan jiwa mereka.

Ini sikap dan kaedah Nabi apabila berdepan 'musuh' yang mempunyai harapan untuk menerima dakwahnya.

Nabi Muhammad tidak terus membenci dan mencemuh, jauh sekali menggelarnya dengan gelaran yang tidak elok.

Baginda memberikan teladan yang sangat mulia sehinggakan hati orang bukan Islam yang berjumpa baginda menjadi lembut.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)

Siapa tidak kenal Umar Al-Khattab di Makkah, seorang pemuda yang gagah perkasa. Beliau membenci Nabi Muhammad SAW sehinggakan setiap langkahnya adalah untuk mencari Muhammad dengan niat membunuhnya!

Umar sangat menentang Islam ketika itu kerana katanya Nabi Muhammad membawa agama baru. Ia dianggap bertentangan dengan agama nenek moyangnya yang melakukan pemujaan serta menyembah berhala yang banyak tergantung di Kaabah.

Itu agama warisan nenek